

Kanser hati sukar dirawat

■ Kebanyakan kes dikesan lewat kerana ketiadaan gejala penyakit

Oleh HIDAYATUL AKMAL AHMAD
hidayatulakmal
@hmetro.com.my

Tanggal 4 Februari, menjadi kelaziman diadakan sambutan hari kanser sedunia. Antara kanser yang popular dan mendapat perhatian ialah kanser payudara, rahim, usus dan prostat.

Namun ramai tidak mengetahui kanser hati turut tersenarai antara 10 kanser utama di negara kita. Kurang pengetahuan dan sikap sambil lewa menyebabkan bilangan pesakit yang menghidap penyakit ini meningkat setiap tahun.

Memang jumlah pesakit kanser hati tidak terlalu ramai iaitu sekitar 1,000 orang, tetapi ia antara kanser yang sukar dirawat kerana kebanyakan kes lewat dikesan akibat ketiadaan gejala penyakit.

Di Malaysia, kanser hati adalah kanser kelima paling biasa dihidapi lelaki yang mencatat 5.7 kes bagi setiap 100,000 penduduk, teruta-



“Biasalah masyarakat kita suka buat pemeriksaan saat akhir, itupun selepas berjumpa doktor apabila tahap kesihatan semakin membimbangkan”

Dr Muhammad Nizam

Info



Simptom awal kanser hati

- Kurang selera makan
- Turun berat badan
- Sentiasa letih
- Sakit sekitar bahu kanan
- Badan dan mata berwarna kuning
- Ada benjolan keras pada bahagian kanan di bawah tulang rusuk
- Mual

Metro 3/3/13 MS27

Fungsi hati

- Menapis dan menyingkirkan sisa toksik dari badan
- Menghasilkan faktor pembekuan darah (bagi menghentikan pendarahan apabila kita mengalami kecederaan)
- Merembeskan hempedu ke dalam



MUDAH penat antara simptom awal kanser hati.

ma lelaki berusia 50 hingga 60 tahun.

Perunding Pakar Bedah Am dan Laparoskopik Pusat Perubatan Columbia Asia, Setapak, Dr Muhammad Nizam Daud berkata, kanser hati bukan setakat menyerang orang dewasa, malah kanak-kanak juga boleh dijangkiti.

"Hati adalah organ penting yang merangkumi pundi hempedu dan duktus hempedu. Ia organ kedua terbesar dalam badan yang kaya dengan darah, terletak di bawah tulang rusuk kanan, di bawah paru-paru.

"Hati kita berbentuk seperti baji atau piramid dan terbahagi kepada dua bahagian iaitu kiri dan kanan.

"Kanak-kanak biasanya boleh mendapat penyakit ini ketika berusia tiga tahun pertama. Manakala orang dewasa pula seawal usia remaja turut dikesan mendapat penyakit ini.

"Antara simptom awal kanser hati ialah kurang selera makan, susut berat badan, obesiti, sakit sekitar bahu kanan, kulit badan dan mata menjadi kekuningan dan sentiasa lesu," katanya.

Kajian mendapati lebih 600,000 kes kanser hati diisahkan di seluruh dunia setiap tahun dan angka ini terus meningkat. Angka ke-

matian paling tinggi dicatat di rantau Asia Timur, terutama di China (anggaran 322,000 kematian daripada 346,000 kes) Jepun (36,000 kes), Taiwan (7,000 kes) dan Korea Selatan (5,000) kes berbanding Eropah (50,000 kes) dan Amerika Syarikat (13,000 kes).

Lebih 90 peratus pesakit yang dirawat mempunyai masalah sirosis hati iaitu kerosakan sel hati dan kehadiran parut akibat jangkitan virus hepatitis B.

Jangkitan virus hepatitis B inilah yang menyebabkan jumlah kematian tinggi di kalangan penduduk Asia Pasifik. Sehingga kini dianggarkan 275 juta penduduk di rantau ini menghidap jangkitan hepatitis B kronik.

Menurutnya, kekurangan kesedaran dan pengetahuan menyebabkan ramai tidak sedar serta peka dengan masalah berkenaan, selain menganggap simptom yang berlaku adalah gejala biasa.

"Biasalah masyarakat kita, jika sudah terhantuk baru terngadah. Suka buat pemeriksaan saat akhir, itupun selepas berjumpa doktor apabila tahap kesihatan semakin membimbangkan. Perlu diingat, barah hati adalah pembunuh senyap.

"Selalunya, doktor akan kesan kanser hati selepas

usus kecil bagi membantu menyerap nutrien

Individu berisiko dapat kanser hati

- Perokok
- Kaki botol
- Penghidap kencing manis
- Obes

atau kebetulan membuat pemeriksaan serta rawatan gejala penyakit lain," katanya yang menasihatkan masyarakat supaya membanyakkan membaca mengenai topik kesihatan.

Menurutnya, imbasan seperti ultrasound akan dilakukan bagi mengesan ketulan pada hati selain teknologi Imbasan Tomografi Berkomputer (CT scan), MRI dan MRCP iaitu sejenis pembedahan mengeluarkan batu hempedu.

"Kanser hati terbahagi kepada dua iaitu primer dan sekunder. Kanser hati primer adalah kanser bermula pada hati manakala kanser hati sekunder ialah sel kanser berasal daripada organ lain dan merebak ke hati.

"Jika kanser ini masih di tahap permulaan, ia boleh diselamatkan namun apabila di tahap akhir, peluang untuk pulih sangat nipis," katanya.

FAKTA
600,000 kes
kanser hati
diisahkan di seluruh
dunia setiap tahun
dan angka ini terus
meningkat